



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

### LARANGAN JUALAN PRODUK KOPI PEJUANG YANG DIKESAN MENGANDUNGI RACUN BERJADUAL DAN TIDAK MEMAPARKAN MAKLUMAT PENGILANG PADA LABEL

---

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui Program Keselamatan dan Kualiti Makanan (PKKM) ingin menegaskan bahawa produk makanan yang disyaki diaduk dengan racun berjadual seperti sildenafil, tadalafil, sibutramine, dexamethasone dan prednisolone sentiasa dipantau dari semasa ke semasa.

Sejak tahun 2021 sehingga Julai 2024, sebanyak 500 sampel kopi pelbagai jenama telah dianalisa bagi parameter racun berjadual di mana 7 sampel (1.4%) didapati mengandungi racun berjadual yang tidak dibenarkan di bawah Peraturan-Peraturan Makanan 1985. Tindakan penguatkuasaan telah diambil ke atas syarikat dan produk terlibat.

Hasil tindakan penguatkuasaan terkini yang dijalankan oleh PKKM mendapati **produk Kopi Pejuang dikesan mengandungi tadalafil** iaitu sejenis ubat yang digunakan untuk merawat kegagalan fungsi erektil atau mati pucuk.

Penggunaan tadalafil tanpa pengawasan doktor boleh menyebabkan kesan advers serius seperti pengurangan atau kehilangan penglihatan dan pendengaran, penurunan tekanan darah mendadak sehingga ke peringkat merbahaya dan kesan terhadap sistem kardiovaskular seperti strok dan serangan jantung.

Di bawah Seksyen 13, Akta Makanan 1983, menyatakan mana-mana orang yang menyediakan atau menjual apa-apa makanan yang ada dalam atau padanya apa-apa bahan yang beracun, merosakkan atau selainnya memudaratkan kesihatan adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan denda yang tidak melebihi RM 100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya.

Di samping itu, label produk tersebut didapati tidak mematuhi kehendak pelabelan di bawah Peraturan-Peraturan Makanan 1985 iaitu tiada nama dan alamat pengilang / pembungkus / pengedar / empunya hak untuk mengilang / pengimport. Sehubungan itu, produk tersebut tidak boleh diiklankan untuk jualan dan tidak boleh dijual seperti dinyatakan di bawah Peraturan 9, Peraturan-Peraturan Makanan 1985. Gambar produk tersebut adalah seperti di lampiran.

Pemeriksaan berkala akan diteruskan bagi memastikan tiada penjualan produk makanan yang dicampur atau mengandungi bahan terlarang ini. Pihak terlibat seperti pengilang, pembungkus, pengedar, ejen pemasaran dan penjual juga mempunyai tanggungjawab untuk memastikan produk makanan yang dijual mematuhi perundangan makanan.

Sehubungan itu, semua peniaga termasuk peniaga atas talian yang masih mempunyai stok produk tersebut **diarahkan untuk menghentikan serta-merta penjualan semua produk tersebut dan menghubungi Pejabat Kesihatan Daerah terdekat untuk tujuan penyitaan.** Di samping itu, **semua media pengiklanan termasuk platform e-dagang dan media sosial hendaklah menghentikan penyiaran iklan makanan tersebut.**

KKM sentiasa peka dan prihatin terhadap perkara-perkara yang boleh mengancam keselamatan pengguna. Sekiranya pengguna mempunyai sebarang kemusykilan berhubung sebarang isu keselamatan makanan, pengguna boleh menghubungi mana-mana Pejabat Kesihatan Daerah, Jabatan Kesihatan Negeri terdekat atau melayari laman sesawang Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) serta Facebook Program Keselamatan dan Kualiti Makanan (PKKM) seperti berikut:

- <http://moh.spab.gov.my>
- <https://www.facebook.com/bkkmhq>

**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**22 OGOS 2024**

GAMBAR PRODUK



Sisi label 1



Sisi label 2